

PERCERAIAN RUMAH TANGGA DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN PENDEKATAN MENANGANINYA

Divorce in Selangor and the Governing Approach

Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin

Mariam@kuis.edu.my & sroyale@gmail.com

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Hikmah perkahwinan disyariatkan oleh Allah S.W.T agar pasangan suami dan isteri beroleh kasih sayang dan rahmat namun apabila ianya gagal dinikmati, sebahagian pasangan mengambil keputusan untuk mengakhiri perkahwinan mereka dengan perpisahan atau perceraian rumah tangga. Artikel ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang berlakunya perceraian rumah tangga di Negeri Selangor serta pendekatan Jabatan Agama Islam Selangor dalam menangani masalah perceraian ini. Data kajian ini diperolehi menerusi metode dokumentasi dan temubual. Faktor perceraian dikemukakan berdasarkan data aduan yang direkod di Jabatan Agama Islam Selangor manakala pendekatan bagi menanganinya dikemukakan berdasarkan hasil temubual pegawai di Jabatan Agama Islam Selangor. Data yang diperolehi dianalisis secara kuantitatif dan dikemukakan dalam bentuk kekerapan dan peratusan manakala data kualitatif dianalisis berasaskan transkripsi temubual. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengabaian tanggungjawab antara pasangan merupakan faktor paling tinggi berlakunya perceraian rumah tangga dalam kalangan pasangan suami isteri di Negeri Selangor diikuti dengan faktor masalah komunikasi, akhlak dan sosial, campurtangan pihak ketiga, lemah didikan agama, ekonomi, seksual, kerjaya, kesihatan dan faktor yang paling rendah ialah disebabkan perbezaan budaya. Pihak Jabatan Agama Islam Selangor mengambil beberapa pendekatan melaksanakan kursus pra dan pasca perkahwinan, seminar, mewujudkan unit khidmat nasihat dan membuka kaunter pertanyaan dalam usaha membendung masalah perceraian. Kerjasama semua pihak penting digembleng bagi membendung isu perceraian ini daripada terus meningkat.

Kata kunci: Perceraian, Rumah tangga, Negeri Selangor, Pendekatan Menangani.

ABSTRACT

The wisdom of marriage prescribed by Allah SWT as one of His uncountable mercy, where men and women accompany each other as a moral of safeguard and social needs. In governing marriage, challenges and obstacles are part and parcel of our daily life. Weaknesses and failure in managing conflicts and encounters might lead couples to end their wedding with separation or divorce. The objective of this article is to identify factors which had contributed to the divorce in Selangor and likewise, the approach by Jabatan Agama Islam Selangor in dealing with the matter. Data are acquired through the method of documentation and interview. The divorce information and facts were based to data reports recorded at Jabatan Agama Islam Selangor, while the approach on its solutions are suggested, based to the finding from interview session by the in-charged officers. Data attained is analyzed through quantitative study and proposed in the form of frequency and percentage, while the qualitative data being examined based to the interview transcription approach. In conclusion, the finding shows that responsibility negligence among the couple is the highest factor contribute to the divorce in Selangor, followed by miss-communication, personal ethics, third party interference, low religion education, economy, sexual, career, health and finally the most least is the cultural differences. Jabatan Agama Islam Selangor had took several approaches in implementing pre and post marriage courses, seminar, establishing consultation unit and opening information and assisting counter in curbing divorce. Cooperation from all involved parties needed in governing the divorce from increase.

Key word: *Divorce, Marriage, Selangor, Control Approach.*

1.0 PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan suatu ikatan yang dijalinkan di antara pasangan suami dan isteri menerusi suatu akad. Perkahwinan merupakan lambang kehormatan dan kemuliaan bagi pasangan suami dan isteri kerana ikatan perkahwinan memberi perlindungan seperti pakaian yang menutupi aurat manusia. Allah S.W.T menciptakan pasangan yang dianugerahkan bagi manusia menerusi ikatan perkahwinan agar beroleh nikmat ketenangan serta rahmat kasih sayang. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Rum, ayat 21 menjelaskan berkaitan hikmah perkahwinan:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً

وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah S.W.T menciptakan pasangan bagi manusia iaitu suami atau isteri yang disempurnakan melalui ikatan perkahwinan agar manusia beroleh ketenangan, kasih sayang dan rahmat. Pasangan harus berusaha menunaikan peranan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri selaras dengan panduan syariat agar matlamat perkahwinan seperti yang dijelaskan menerusi ayat tersebut di atas dapat dicapai.

Nikmat *mawaddah* dan *rahmah* hanya terpancar pada hubungan suami dan isteri dalam rumah tangga apabila wujudnya sifat saling mengasihi, saling memahami, saling membantu, menunaikan hak dan kewajiban antara pasangan suami dan isteri. Suami dan isteri satu sama lainnya mesti berlapang dada dan saling menerima kekurangan serta kelebihan pada diri pasangan masing-masing. Sebaliknya, kebahagiaan

perkahwinan yang dinikmati boleh bertukar menjadi duka dan kesedihan apabila hilangnya sifat saling sayang menyayangi, timbangrasa, tanggungjawab yang akhirnya membawa kepada konflik, perbalahan, perselisihan faham yang boleh mencetuskan bibit-bibit keretakan dalam hubungan suami dan isteri. Sekiranya masalah ini tidak dapat ditangani dengan baik dan matang, dibimbangi berlakunya perceraian ekoran masalah rumah tangga yang dihadapi (Abe Sophian et al., 2014).

Rumah tangga dan sistem kekeluargaan yang baik adalah asas kepada pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni. Ini kerana masyarakat yang baik terbina daripada keluarga yang dididik dengan baik. Konflik yang tercetus dalam kalangan pasangan suami dan isteri merupakan antara halangan dan cabaran dalam mengekalkan kebahagiaan dan keharmonian dalam rumah tangga. Keputusan mengakhiri perkahwinan mereka dengan perpisahan atau perceraian dibuat apabila halangan dan cabaran yang berlaku sukar dihadapi sehingga rumah tangga yang dibina gagal untuk dipertahankan (Raihanah Abdullah, 2001).

Syariat Islam berkaitan sistem perkahwinan menjadi panduan dalam mewujudkan sebuah rangkaian ikatan kekeluargaan dalam rumah tangga yang aman, damai dan tenteram. Ikatan kekeluargaan yang harmoni sangat penting bagi menjamin kelangsungan terhadap usaha melahirkan generasi masyarakat yang terdidik dengan roh Islam sekaligus mampu mengamalkan nilai-nilai rabbani dalam kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, isu permasalahan, cabaran dan kekangan yang dihadapi dalam menjalani kehidupan berumah tangga penting diberi perhatian oleh semua pihak dan perlu ditangani dengan sebaiknya berdasarkan ilmu serta panduan syariat yang digariskan oleh Islam.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kes perceraian dalam masyarakat didapati terus meningkat dari tahun ke tahun. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun, berkata mengikut rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, sebanyak 59,712 kes perceraian dicatatkan pada 2014; 63,463 kes (2015) dan 48,077 kes sehingga 10 Julai 2016. Sebanyak 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi iaitu Selangor mencatat kes paling tinggi sepanjang tempoh itu iaitu sebanyak 30,901;

Sabah (22,331 kes) dan Johor sebanyak 16,718 kes dari 2014 hingga 10 Julai 2016 (Berita Harian, 2016).

Jadual 1 berikut adalah statistik dan trend kes perceraian rumah tangga di Negeri Selangor selama 5 tahun bermula pada tahun 2011 sehingga tahun 2015.

Jadual 1: Statistik Kes Perceraian Tahun 2011-2015 Di Selangor

TAHUN	JUMLAH PASANGAN BERCERAI
2011	5,694
2012	6,098
2013	6,083
2014	6,928
2015	8,167
Jumlah	32,970

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 2017

Jadual menunjukkan bahawa terdapat peningkatan bilangan kes perceraian yang berlaku dalam tempoh lima tahun bermula 2011 sehingga 2015. Peningkatan sebanyak 2,473 kes perceraian berlaku dalam tempoh selama 5 tahun. Fenomena ini adalah suatu trend yang serius dan membimbangkan. (Mariam & Syafirul, 2017).

Perceraian sering berlaku apabila masalah yang dihadapi oleh sesebuah perkahwinan menemui jalan buntu dan tidak mendapat sebarang penyelesaian atau kedua-dua pihak gagal memperbaiki ikatan perkahwinan mereka (Siti Zalikhah Md. Nor, 2005). Satu kajian berkaitan faktor perceraian yang dilakukan di Sabah mendapati bahawa pengabaian tanggungjawab antara pasangan merupakan faktor utama berlakunya perceraian (Sabariah Binti Baharum, 1989). Mahkamah Syariah Perlis merekodkan bahawa punca utama berlakunya perceraian adalah tiada persefahaman di antara pasangan. Bagaimanapun alasan yang diberikan ini tidak jelas kerana pasangan sebenarnya mempunyai alasan dan faktor lain yang menyumbang kepada keputusan menyebabkan mereka perlu bercerai (Raihanah Hj. Abdullah, 2001).

Pasangan suami isteri muda dikatakan menjadi faktor berlakunya kes perceraian rumah tangga. Kajian Abe Sophia et al. mendapati golongan pasangan suami atau isteri yang berusia di antara usia 27-37 tahun adalah golongan tertinggi berlaku perceraian iaitu sebanyak 166 orang (47%) (Abe Sophia et al. 2014). Perceraian rumah tangga dalam kalangan pasangan suami isteri yang muda mungkin berlaku apabila tidak berjaya menghadapi cabaran-cabaran dalam alam perkahwinan atau gagal menyelesaikan soal rumah tangga seperti masalah kewangan, penjagaan dan kesihatan anak-anak. Masalah campur tangan ibu-bapa, saudara mara menambahkan lagi kompleksnya cabaran kepada pasangan yang baru berkahwin bagi terus menyesuaikan diri mereka dengan alam perkahwinan.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa kebanyakan kes perceraian yang direkodkan di Malaysia melibatkan usia perkahwinan lima tahun ke bawah (Berita Harian, 2016). Sehubungan dengan ini, timbul persoalan apakah usia muda menjadi punca utama berlaku perceraian atau usia perkahwinan?

Pelbagai pendekatan usaha telah dilakukan bagi menangani isu perceraian rumah tangga. Pada tahun 2016, Pihak JAKIM telah melancarkan kursus pra-perkahwinan iaitu satu kursus yang wajib bagi pasangan sebelum mendirikan rumah tangga yang diadakan di setiap negeri seluruh Malaysia. Inisiatif ini digerakkan adalah sebagai satu usaha untuk mengurangkan permasalahan dalam rumah tangga dan risiko perceraian (Bernama, 2016).

Kes perceraian yang berlaku dalam kalangan pasangan suami dan isteri dan pendekatan yang diaplikasi mungkin berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Justeru, artikel ini turut mengenengahkan faktor-faktor yang menyumbang kepada aduan perceraian dalam kalangan pasangan suami dan isteri yang direkod di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, kes perceraian berdasarkan usia pasangan dan perkahwinan serta pendekatan menanganinya. Adalah diharapkan dapatan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi merancang pelbagai usaha dalam menangani dan membendung masalah peningkatan kes perceraian rumah tangga di Negeri Selangor khususnya dan negara amnya.

3.0 FAKTOR PERCERAIAN RUMAH TANGGA DAN PENDEKATAN MENANGANINYA

Terdapat beberapa kajian telah dilakukan berkaitan faktor-faktor berlakunya masalah perceraian rumah tangga. Kajian bertajuk “Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau”, membincangkan tentang isu perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Tawau, Sabah. Kajian dilakukan bertujuan mencari antara punca perceraian, kadar dan bilangan perceraian yang berlaku di mahkamah, kesan-kesan daripada perceraian serta mencadangkan langkah bagi mengatasi masalah perceraian dalam kalangan masyarakat Islam di Tawau, Sabah. Pengabaian tanggungjawab didapati antara faktor berlaku masalah perceraian seperti suami meninggalkan isteri tanpa berita (Sabariah Binti Baharum, 1989).

Perselisihan dan ketidak kesefahaman yang selalu berlaku di antara suami dan isteri menjadi salah satu sebab berlakunya pertengkaran dan pergaduhan. Jika keadaan ini sudah tidak dapat dikawal, keputusan untuk menjatuhkan talak adalah tindakan yang diambil bagi memberi ketenangan dan kedamaian hati bagi kedua-dua belah pihak suami dan isteri (Raihanah Abdullah, 2013).

Wujud perasaan cemburu pasangan yang berlebihan turut menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya bibit-bibit perceraian rumah tangga dalam masyarakat. Fenomena ini menjadi lebih kronik apabila pihak suami atau isteri tidak mengambil inisiatif untuk menjaga batas dan bebas dalam pergaulan mereka sewaktu keluar bekerja kerana boleh mengakibatkan berlakunya perceraian (Roslee, 1999).

Teknologi komunikasi maklumat (ICT) berperanan membangunkan dan membina tamadun baru manusia sejagat namun sebaliknya memberi impak negatif jika disalahgunakan (Zulkiple, 2001). Penyalahgunaan kecanggihan ICT seperti penggunaan *Facebook* kini dikenalpasti sebagai salah satu punca timbulnya beberapa kes perceraian. Menurut Peguam syarie daripada Jabatan Bantuan Guaman Kuching, Mohd Zamri Abdul Hazis menjelaskan bahawa terdapat dua kes perceraian di Bintulu dan satu kes di Kuching berlaku berpunca daripada penggunaan laman sosial iaitu Facebook. Menurut beliau, perbuatan mendedahkan hal berkaitan rumah tangga di

laman sosial seperti Facebook bukan sahaja memalukan pihak lain (suami atau isteri) tetapi menjadi punca yang mampu menjurus kepada keruntuhan perkahwinan (Abe Sophian et.al, 2014). Pakar psikologi dan Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Mariani Mohd Nor berkata bahawa aplikasi seperti *WhatsApp* kini menjadi platform bagi pasangan muda meluahkan perasaan marah apabila berhadapan konflik rumah tangga (Berita Harian, 2016). Implikasinya, teknologi yang semakin berkembang ini turut menjadi faktor yang menyumbang kepada pembentukan konflik dalam rumah tangga. .

Fasakh merupakan antara kaedah perceraian yang berlaku dalam kalangan pasangan suami isteri. Kajian bertajuk “Fasakh di dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) Tahun 1985 di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu” telah menganalisis kes-kes fasakh di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dari tahun 2000 hingga 2009 serta faktor berlakunya fasakh dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu. Kajian mendapati faktor utama berlakunya kes fasakh adalah disebabkan penglibatan penggunaan dadah dan juga berlaku poligami yang tidak diestuai (Nur Juwariyah Binti Mohammed, 2011).

Selain itu, perceraian turut berlaku ekoran sebab-sebab yang remeh dan sukar diterima akal seperti tiada keserasian, berbeza fahaman politik, suami keluar bekerja tidak tentu masa, pasangan terlalu cerewet dan sebagainya. Kebiasaannya, masalah-masalah ini muncul kerana wujudnya perasaan dendam dan marah yang menyebabkan berlakunya pertengkaran dan pertelingkahan (Mohd Saleh, 2009).

Satu kajian bertajuk “Kesan Pendapatan ke atas Kadar Perceraian Di Kalangan Masyarakat Melayu di Kelantan” dilaksanakan untuk mengkaji kesan pendapatan ke atas kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Objektif utama kajian tersebut ialah melihat sejauh mana kesan pendapatan ke atas kadar perceraian. Sebanyak 20 sampel kes di sembilan jajahan di Kelantan telah diambil dan dianalisis. Dapatan kajian yang diperolehi mendapati terdapat hubung kait yang ketara di antara pendapatan dengan kadar perceraian. Kajian ini mendapati golongan yang berpendapatan rendah merupakan golongan yang teramai terlibat dengan perceraian (Masnah Mohd Zain et.al, 2002). Perkembangan ekonomi yang berlaku secara tidak langsung membawa kepada pertambahan bebanan, peranan serta komitmen yang menyebabkan tekanan (Rohaiza, 2011). Tekanan yang dihadapi opeh pasangan suami atau

isteri jika tidak dapat dikawal boleh menjadi salah satu punca yang boleh membibitkan keretakan dalam rumah tangga.

Kajian Sabariah Binti Baharum bertajuk “Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau”, membincangkan tentang isu perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Tawau, Sabah. Kajian bertujuan mencari antara punca perceraian, kadar dan bilangan perceraian yang berlaku di mahkamah, kesan-kesan daripada perceraian serta mencadangkan langkah bagi mengatasi masalah perceraian dalam kalangan masyarakat Islam di Tawau, Sabah. Pengabaian tanggungjawab didapati antara faktor berlaku masalah perceraian seperti suami meninggalkan isteri tanpa berita (Sabariah Binti Baharum, 1989). Kebanyakan masyarakat orang Melayu pada masa ini kurang mengambil berat tugas serta tanggungjawab mereka untuk membina dan membentuk keluarga muslim yang sebenar atau dengan kata lain lupa dan lalai terhadap tugas serta tanggungjawab tersebut (Saedah Siraj, 2001). Kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa wujud berbagai faktor menjadi penyebab berlakunya masalah perceraian rumah tangga pasangan suami isteri.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di seluruh Malaysia telah melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan bagi menangani masalah perceraian ini antaranya kursus pra-perkahwinan, kursus pasca perkahwinan, program-program, seminar dan forum berkaitan dengan kekeluargaan namun sehingga kini masalah dan kadar perceraian didapati terus meningkat setiap tahun (Bernama, 2016). Oleh yang demikian, artikel ini seterusnya mengemukakan dapatan kajian berkaitan faktor-faktor yang menyumbang berlakunya perceraian di Negeri Selangor dan pendekatan Jabatan Agama Islam Selangor dalam menanganinya.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Data bagi artikel ini diperolehi menerusi metode dokumentasi dan temubual. Data diperolehi menerusi metode dokumentasi dan temu bual (Ahmad Sunawari, 2015). Data kuantitatif berkaitan usia suami isteri dan tempoh perkahwinan serta aduan kes perceraian diperolehi menerusi dokumen dan temubual mendalam yang dilakukan bersama pegawai di Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS serta mereka yang terlibat secara langsung berkaitan kajian. Data

faktor berlaku kes perceraian diperolehi berdasarkan kes-kes aduan permasalahan rumah tangga yang direkodkan di Jabatan Agama Islam Selangor dalam tempoh lima tahun bermula tahun 2011 hingga 2015 dianalisis serta dikemukakan dalam bentuk fakta dan statistik manakala dan data berkaitan pendekatan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) diperolehi menerusi transkripsi temubual dan dianalisis secara manual.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Rekod faktor berlakunya kes perceraian rumah tangga sedikit berbeza di antara satu tempat dengan tempat lain kerana pelbagai faktor dan situasi.

5.1 Faktor Berlaku Perceraian Rumah Tangga Di Negeri Selangor

Faktor berlakunya perceraian rumah tangga yang dikemukakan berikut ini adalah berdasarkan aduan-aduan masalah rumah tangga yang direkodkan di Jabatan Agama Islam Selangor.

Nombor aduan	KATEGORI ADUAN
1	tidak bertanggungjawab
2	lemah didikan agama
3	campur tangan pihak ketiga
4	perbezaan budaya
5	masalah seksual
6	masalah ekonomi
7	masalah kerjaya
8	masalah kesihatan
9	masalah akhlak / sosial
10	masalah komunikasi

Jadual 2 di bawah menunjukkan data aduan rumah tangga yang diterima dan direkodkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sepanjang lima tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2015.

Jadual 2: Aduan Rumah Tangga Di Negeri Selangor Dari 2011 - 2015

TAHUN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
NO. ADUAN										
2011	2,398	410	1,058	54	114	313	114	80	857	1,459
2012	2,279	577	964	41	118	230	108	76	973	1,458
2013	1,773	471	908	53	67	321	102	62	1,161	1,345
2014	2,211	486	891	38	96	238	56	61	951	1,608
2015	2,138	485	876	37	91	327	82	82	862	1,483
JUMLA H	10,799	2,429	4,697	223	486	1,429	462	361	5,798	7,353

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Berdasarkan jadual 2 di atas, pengabaian tanggungjawab antara pasangan merupakan faktor paling tinggi direkod sebagai sebab aduan kes perceraian rumah tangga dalam kalangan pasangan suami isteri di Negeri Selangor iaitu sebanyak 10,799 aduan telah dikemukakan bermula tahun 2011 hingga tahun 2015. Tanggungjawab adalah sesuatu yang penting dalam rumah tangga sama ada tanggungjawab seorang suami terhadap isteri, begitu juga sebaliknya tanggungjawab isteri terhadap suaminya. Menurut temubual bersama pegawai di JAIS, antara contoh pengabaian tanggungjawab ialah tidak memberi nafkah dan sifat malas melaksanakan tanggungjawab di rumah.

Seterusnya, masalah komunikasi merupakan faktor kedua tertinggi aduan dikemukakan iaitu sebanyak 7,353 aduan telah dibuat sepanjang lima tahun. Temubual bersama pegawai di JAIS menjelaskan antara masalah-masalah dalam komunikasi

rumah tangga yang berlaku ialah selalu menggunakan bahasa-bahasa kasar terhadap pasangan, tiada persefahaman antara pasangan, berlainan bahasa dan sebagainya.

Masalah akhlak atau sosial turut diadu sebagai faktor ketiga tinggi menyumbang kepada masalah keretakan rumah tangga. Sebanyak 4,798 aduan telah dibuat berkaitan masalah akhlak atau sosial pasangan dalam tempoh 5 tahun iaitu bermula 2011 hingga 2015. Masalah akhlak atau sosial adalah seperti pasangan suka berfoya-foya, homoseksual, marah tanpa sebab, suka berbohong, penagih dadah, ketagih aksi lucah, kaki botol dan sebagainya.

5.2 Julat umur tertinggi pasangan suami/isteri bercerai di Negeri Selangor

Data seterusnya mengemukakan julat umur tertinggi pasangan pasangan suami atau isteri bercerai selama 5 tahun bermula pada tahun 2011 sehingga 2015 di Negeri Selangor.

Jadual 3: Julat Umur Tertinggi Pasangan Suami/Isteri Bercerai 2011-2015

Tahun	Umur	Jantina		Jumlah	Jumlah Keseluruhan
		Lelaki	Perempuan		
2011	31-35	1,243	1,272	2,515 (22.3%)	11,388
2012	26-30	1,203	1,446	2,649 (21.7%)	12,196
2013	31-35	1,215	1,279	2,494 (21.1%)	11,809
2014	31-35	1,527	1,645	3,172 (22.9%)	13,856
2015	31-35	1,798	1,879	3,677 (22.5%)	16,334

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 2011-2015

Berdasarkan jadual 3 di atas, pada tahun 2011, julat umur tertinggi pasangan suami/isteri bercerai adalah berumur di antara 31-35 tahun iaitu sebanyak 22.3%

(2,515 orang) daripada jumlah keseluruhan pasangan suami atau isteri yang bercerai iaitu 11,388 orang pada tahun 2011.

Seterusnya pada tahun 2012, julat umur tertinggi pasangan suami atau isteri bercerai adalah di antara 26-30 tahun iaitu sebanyak 21.7% (seramai 2,649 orang) berbanding julat umur tertinggi pada 2011 adalah pada usia 31-35 tahun daripada jumlah keseluruhan pasangan suami atau isteri yang bercerai iaitu 12,196 orang pada tahun 2012 yang meningkat sebanyak 808 orang.

Pada tahun 2013, julat umur tertinggi pasangan suami dan isteri yang bercerai adalah pada usia 31-35 tahun iaitu sebanyak 21.1% (seramai 2,494 orang) berbanding julat umur tertinggi pada 2012 adalah pada usia 26-30 tahun. Pada tahun 2013 ini, jumlah mereka yang bercerai menurun sedikit iaitu seramai 11,809 orang berbanding 12,196 orang pada tahun sebelumnya.

Seterusnya pada tahun 2014, julat umur tertinggi pasangan suami/isteri bercerai adalah kekal iaitu yang berumur di antara 31 hingga 35 tahun dengan jumlah peratusan 22.9% atau seramai 3,172 orang. Pada tahun 2014 kadar mereka yang bercerai meningkat secara mendadak dengan jumlah keseluruhan 13,856 orang iaitu meningkat sebanyak 2,047 orang.

Pada tahun 2015, julat usia tertinggi perceraian adalah sama iaitu golongan yang berumur 31 hingga ke 35 tahun sebanyak 22.5% (seramai 3,677) daripada 16,334 orang.

Merujuk kepada dapatan statistik ini, mendapati hampir kesemua pasangan dalam pelbagai peringkat julat umur berhadapan dengan isu perceraian. Kajian menunjukkan bahawa julat usia pasangan suami dan isteri yang berisiko tinggi bercerai adalah mereka yang berusia di antara 26 hingga 40 tahun manakala julat umur tertinggi yang direkodkan adalah pasangan suami isteri yang berusia di antara 31 hingga 35 tahun. Jumlah pasangan bercerai pada 2015 terus meningkat naik dari tahun sebelumnya iaitu seramai 16,334 orang suami atau isteri. Ini menjadikan tahun 2015

mencatatkan jumlah perceraian paling tinggi sepanjang lima tahun dari 2011 sehingga 2015 iaitu peningkatan sebanyak 2,478 orang.

5.3 Perceraian Berdasar Usia Perkahwinan 2011-2015

Jadual 4 di bawah mengemukakan tempoh usia perkahwinan pasangan suami dan isteri yang berhadapan kes perceraian yang direkodkan di Jabatan Agama Islam Selangor bermula tahun 2011 hingga 2015

Jadual 4: Usia Perkahwinan Pasangan Bercerai Dari Tahun 2011-2015

TAHUN	<1	01-5	06-10	11-15	16-20	21-25	26>
2011	310	1,889	1,526	853	525	302	289
2012	339	2,031	1,514	971	653	291	299
2013	353	2,039	1,454	933	649	347	308
2014	412	2,437	1,675	939	673	399	393
2015	503	2,884	1,955	1,129	769	489	438
Jumlah	1,917	11,280	8,124	4,825	3,269	1,828	1,727
Peratus	5.81%	34.21%	24.64%	14.63%	9.91%	5.54%	5.24%

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa usia perkahwinan 1 hingga 5 tahun merupakan usia perkahwinan yang tertinggi berhadapan dengan masalah perceraian iaitu sebanyak 11,280 kes (34.21%) dari jumlah keseluruhan kes perceraian tahun 2011 hingga 2015.

Usia perkahwinan pasangan 6 hingga 10 tahun merupakan usia perkahwinan yang kedua tertinggi berhadapan dengan masalah perceraian iaitu sebanyak 8,2124 kes (24.64%) dari jumlah keseluruhan kes perceraian tahun 2011 hingga 2015.

Diikuti pula dengan usia perkahwinan pasangan yang telah berkahwin selama 11 hingga 15 tahun merupakan usia perkahwinan ketiga tertinggi berhadapan dengan perceraian iaitu sebanyak 4,825 kes dengan peratusan 14.63% .

Usia perkahwinan 16 hingga 20 tahun pula adalah usia perkahwinan keempat tertinggi berhadapan dengan perceraian iaitu sebanyak 3,2629 kes (9.91%) dari jumlah keseluruhan kes perceraian tahun 2011 hingga 2015.

Usia perkahwinan kurang dari setahun merupakan yang kelima tertinggi berhadapan dengan masalah perceraian iaitu sebanyak 1,917 kes (5.81%) dari jumlah keseluruhan kes perceraian tahun 2011 hingga 2015.

Usia perkahwinan terendah berlaku kes perceraian dalam tempoh lima tahun bermula 2011 hingga 2015 adalah usia perkahwinan yang melebihi 26 tahun melayari hidup berumah tangga. Iaitu 1,727 kes (5.24%) dari jumlah keseluruhan kes perceraian.

Data ini menunjukkan bahawa alam rumah tangga sentiasa berhadapan dengan risiko berlaku perceraian namun data yang direkod menunjukkan bahawa tempoh usia perkahwinan antara 5 hingga 10 tahun merupakan fasa berisiko dalam menghadapi saat kemungkinan berlaku perceraian. Namun data ini turut menunjukkan bahawa pasangan yang telah lama mendirikan rumah tangga turut berhadapan dengan masalah perceraian ini.

5.4 Pendekatan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Menangani Perceraian

Pelbagai pendekatan dilakukan oleh JAIS dalam usaha menangani isu perceraian rumah tangga di Negeri Selangor. Pegawai di Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menjelaskan bahawa pihak JAIS telah melaksanakan pendekatan-pendekatan berikut iaitu ;

5.4.1 Melaksanakan kursus pra-perkahwinan

Pihak JAIS telah melaksanakan program kursus pra-perkahwinan, iaitu satu kursus yang wajib bagi pasangan sebelum mendirikan rumah tangga. Kursus ini dijalankan oleh Jabatan Agama Islam mengikut modul yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertujuan memberi maklumat serta pendedahan awal kepada bakal suami isteri yang akan mendirikan rumah tangga

dengan mengikut tuntutan syariat Islam. Inisiatif ini digerakkan adalah sebagai satu usaha untuk mengurangkan permasalahan dalam rumah tangga.

5.4.2 Mengendalikan kursus pasca perkahwinan

Kursus pasca perkahwinan dilaksanakan bagi mereka yang sudah mendirikan rumah tangga. Pasca perkahwinan ini dijalankan adalah bertujuan bagi merapatkan lagi hubungan antara pasangan serta membantu pasangan yang bermasalah dalam menangani konflik rumah tangga. Perbincangan kursus menjurus isu berkaitan kesihatan dan hubungan suami isteri. Modul kursus pasca perkahwinan ini mengguna pakai modul yang disusun oleh JAKIM yang dibahagikan kepada empat fasa iaitu fasa bulan madu bagi pasangan usia perkahwinannya kurang dari lima tahun, fasa sehati sejiwa iaitu usia perkahwinan 6 hingga 10 tahun, fasa semarak kasih iaitu usia perkahwinan dari 11 hingga ke 20 tahun dan fasa syurga cinta iaitu usia perkahwinannya lebih dari 21 tahun. Menurut Penolong Pengarah Kanan Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menjalankan pendekatan ini beberapa tahun yang lepas tetapi diberhentikan seketika.

5.4.3 Mewujudkan unit khidmat nasihat khidmat nasihat

Unit ini diwujudkan bagi membantu pasangan yang bermasalah dalam rumah tangga dengan memberi khidmat kaunseling. Terdapat 3 seksyen dalam Unit Khidmat Nasihat ini iaitu seksyen runding cara keluarga, seksyen kedua iaitu seksyen pengurusan nikah sindiket luar negara.

5.4.4 Mengadakan seminar dan program kekeluargaan

Antara seminar dan program kekeluargaan yang dilaksanakan ialah seminar sakinah, rumahku syurgaku, seminar penjelasan isu-isu keluarga Islam, karnival keluarga bahagia dan sebagainya.

5.4.5 Membuka kaunter pertanyaan

Kaunter-kaunter pertanyaan ini dibuka bertujuan menyalurkan pengetahuan berkaitan rumah tangga. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menggunakan medium masjid-masjid bagi membuka kaunter pertanyaan ini.

6.0 KESIMPULAN

Pelbagai faktor didapati menjadi punca yang menyumbang kepada berlakunya masalah keretakan rumah tangga dalam kalangan pasangan suami dan isteri. Data kajian mendapati, pengabaian tanggungjawab menjadi faktor utama aduan perceraian dikemukakan di JAIS dalam tempoh 5 tahun bermula 2011 hingga 2015. Masalah komunikasi antara pasangan suami dan isteri merupakan faktor kedua tinggi dan diikuti dengan permasalahan akhlak pasangan yang menyumbang berlakunya keretakan dalam rumah tangga. Faktor campurtangan pihak ketiga, lemahnya didikan agama, masalah ekonomi, seksual, kerjaya, kesihatan serta perbezaan budaya adalah antara faktor lain yang turut direkodkan sebagai penyumbang kepada berlakunya masalah perceraian rumah tangga. Dapatan kajian dalam artikel ini turut mengemukakan umur pasangan suami atau isteri dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun adalah julat umur tertinggi yang direkodkan bercerai manakala usia perkahwinan 1 hingga 5 tahun merupakan fasa tertinggi berlakunya perceraian sepanjang tempoh 5 tahun bermula pada 2011 hingga 2015.

Pihak Jabatan Agama Islam Selangor mengambil inisiatif mengendalikan beberapa pendekatan iaitu melaksanakan kursus pra dan pasca perkahwinan, seminar, mewujudkan unit khidmat nasihat dan membuka kaunter pertanyaan dalam usaha membendung masalah perceraian.

Sehubungan dengan itu, pelbagai pihak perlu memberi tumpuan serius terhadap isu perceraian dalam kalangan pasangan suami dan isteri yang terus meningkat ini. Pendedahan khusus perlu diberikan terhadap usaha penyaluran ilmu pengetahuan terutama ilmu agama, ilmu komunikasi rumah tangga, ilmu psikologi dalam rumah tangga, pendidikan anak-anak bagi pasangan suami dan isteri. Pengamalan serta meningkatkan amal ibadah yang betul adalah merupakan salah satu kaedah efektif bagi membendung timbulnya masalah dalam rumah tangga sekaligus perceraian dalam kalangan pasangan suami dan isteri.

RUJUKAN

- Abe Sophian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin Anwar & Fakhri Omar. (2014). *“Faktor Perceraian Di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010.* Jurnal Islamiyyat. 36 (1) Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Abu Mat Suaud. (2013). *Hakmu Muslimah: Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaanya Di Mahkamah Syariah.* Awal Hijrah Enterprise.
- Ahmad Sunawari Long, (2005), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam.c.1.* Bangi: UKM.
- Mohd Saleh Haji Ahmad. (2009). *Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam.* Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd.
- Mariam binti Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. (2017). “Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 hingga 2015”. Kertas Kerja dibentangkan dalam 3 rd International Seminar On Islamiyyat Studies di TMCC Kuala Lumpur pada 1-2 Ogos 2017.
- Masnah Mohd Zain, Mohd Zaki Zakaria, Norhayati Samba Mohamed, Roslina Salwani Shukri, & Wan Murshida Wan Hashim. (2002). *Kesan Pendapatan ke Atas Kadar Perceraian di Kalangan Masyarakat Melayu di Kelantan.* Kelantan: UiTM.
- Nur Juwariyah Binti Mohammed. (2011). *Fasakh di dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) tahun 1985.* Tesis Disertasi, Fakulti Pendidikan, UTM.
- Raihanah Abdullah. (2001). *Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah Dalam Wanita dan Perundangan Islam.* Kuala Lumpur: Ilmiah Publisier.
- Rohaiza Abd.Rokis. (2013). “Islam And Modernity: A Case Of Muslim Female Engineers In Malaysia”. *Jurnal Of Islam In Asia.* Spl. Issue. (2).
- Roslee bin Haji Abbas. 1999. *Faktor-faktor Penyebab Perceraian Keluarga.* Jurnal Kebajikan: Edisi Ke-21.
- Sabariah Binti Baharum. (1989). *Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau.* t.tp: t.pt.
- Saedah Siraj. (2001). Pendidikan Rumah tangga. Selangor Alam Pintar Enterprise.
- Siti Zalikhah Md. Noor. (2005). *Jika Sudah Habis Jodoh.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkiple Abd. Ghani. (2001). Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Berita Harian Online, 14 November 2016

Bernamea, Mac 2016

<http://www.malysiadateline.com/index.php/berita-list/15-berita/1604-jakim-perkenal-modul-pasca-perkahwinan-elak-perceraian>. 12 Ogos 2017

Temubual

Temubual bersama Pegawai di Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).